

**PENENTANGAN RAKYAT PALESTIN TERHADAP ISRAEL DALAM
INTIFADAH PERTAMA 1987: KRONOLOGI DAN KESANNYA KE
ATAS KONFLIK DI PALESTIN**

**(Palestinian Opposition towards Israel in the First Intifada 1987: Its
Chronology and Consequences on the Conflict in Palestine)**

Oleh:

Abdul Qayyum M Suhaimi*
Mohd Roslan Mohd Nor**

Abstrak

Peristiwa Intifadah di Palestin merupakan satu peristiwa besar yang berlaku dalam sejarah umat Islam seluruh dunia. Dunia menyaksikan satu kebangkitan di mana seluruh peringkat umur terlibat dalam menjayakan kebangkitan yang berlaku dalam peristiwa ini. Penindasan regim Zionis terhadap rakyat Palestin setelah sekian lama menjadi punca dalam kebangkitan rakyat yang berlaku di Palestin. Kebangkitan rakyat Palestin yang berlaku secara tiba-tiba ini mendapat respon pelbagai pihak terutamanya Israel. Kebangkitan rakyat Palestin di dalam peristiwa ini juga menunjukkan kesan yang besar terhadap konflik yang berlaku antara Palestin-Israel yang telah tercetus sejak sekian lama. Kertas kerja ini akan membincangkan serta melakukan beberapa penelitian kronologi peristiwa Intifadah pertama yang tercetus di Palestin pada tahun 1987 serta meneliti kesan yang wujud selepas tercetusnya Intifadah ini terhadap konflik di Palestin.

Katakunci: *Intifadah, Israel, kebangkitan rakyat, Palestin, Konflik Timur Tengah, Asia Barat.*

Abstract

The Intifada in Palestine was a major event in the history of Muslims around the world. The world has witnessed a resurgence of various ages who were involved in ensuring the success of the rise. The oppression of the Zionists regime against the Palestinian people for a considerable period of time had been the main cause of the uprising that took place in Palestine. The sudden Palestinian uprising elicited responses from various parties, particularly Israel. The uprising of the Palestinians also demonstrated a significant effect based on the conflict between Palestine and Israel that has been raging for a long time. This paper will discuss and study the chronology of events of the first intifada that broke out in Palestine in 1987 and examine the impacts of this intifada on the conflict in Palestine.

Keywords: *Intifada, Israel, people's uprising, Palestine, Middle East conflict, West Asia*

* Calon sarjana Usuluddin Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi melalui email: da_sentul88@yahoo.com

** Mohd Roslan Mohd Nor, PhD, merupakan pensyarah kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi melalui email: m_roslan@um.edu.my

Pendahuluan

Palestin merupakan negara umat Islam yang sejak sekian lama menyaksikan pertumpahan darah dan kezaliman yang dilakukan oleh regim Israel ke atas rakyat Palestin. Sejak sekian lama dapat disaksikan penentangan dan perjuangan rakyat Palestin menentang puak-puak regim Israel ini dengan pelbagai cara. Walaupun keadaannya nampak tidak setanding langsung antara pejuang Palestin dengan tentera Israel namun atas semangat dan keimanan yang kental untuk mempertahankan agama dan negara dari terus ditindas mereka sentiasa bangkit menentang regim ini. Intifadah ataupun kebangkitan rakyat yang berlaku di Palestin bermula pada Disember 1987 merupakan satu peristiwa besar dalam sejarah umat Islam Palestin bahkan seluruh dunia merasai kesan daripada kebangkitan besar-besaran ini. Kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa Intifadah ini bukanlah suatu perancangan rapi daripada mana-mana organisasi ataupun individu akan tetapi ianya berlaku secara tiba-tiba dan atas semangat bersama menentang kezaliman dan akhirnya membawa kepada tercetusnya peristiwa ini.

Intifadah di Palestin yang tercetus pada tahun 1987 menunjukkan di mana rakyat Palestin telah sama-sama bangkit dan melawan Israel secara besar-besaran. Kesatuan rakyat Palestin dalam peristiwa Intifadah ini menjadikan kebangkitan yang terjadi merupakan kebangkitan seluruh rakyat Palestin tanpa membezakan kasta dan peringkat umur. Seluruh peringkat umur telah sama-sama teribat daripada kanak-kanak hinggalah kepada orang tua bahkan golongan wanita juga tidak terkecuali memainkan peranan mereka dalam kebangkitan ini.¹

Kedudukan Rakyat Palestin Sebelum Intifadah 1987

Palestin merupakan sebuah negara yang menjadi rebutan sejak sekian lama dan lahir pelbagai isu serta polimik yang menjadi tumpuan yang mendalam dimata dunia. Sejak negara Israel ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1948 hasil daripada penempatan dan pendudukan yang dilakukan ke atas negara Palestin memperlihatkan kezaliman dan penindasan yang dilakukan secara berterusan ke atas rakyat Palestin saban hari tanpa mengira umur dan jantina. Semua lapisan masyarakat di Palestin merasai kepahitan dan kesengsaraan hidup menghadapi kekejaman regim Israel.

Kekejaman Israel dapat dilihat dalam satu siri pembunuhan beramai-ramai terhadap rakyat Palestin di Deir Yasin. Pembunuhan ini berlaku pada 9 April 1948

¹ Geoffrey Aronson (1990), *Israel, Palestinians and The Intifada: Creating Facts on The West Bank*, London: Kegan Paul International, h. 324.

dan menyebabkan kematian seramai 250 orang penduduk Muslim.² Peristiwa ini berlaku sebelum negara Israel tertubuh secara rasmi dan memperlihatkan keganasan dan kezaliman menjadi pilihan bagi Israel untuk mencapai matlamat mereka untuk menubuhkan sebuah negara. Kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin di Deir Yasin tidak berhenti setakat itu sahaja. Tentera Israel yang dikenali sebagai Irgun Zai Leumi telah mengambil mereka yang terselamat daripada dibunuh termasuklah wanita dan disumbatkan ke dalam trak serta dibawa dan dipamerkan di jalan-jalan sekitar Jerusalem.³ Hal ini memperlihatkan Israel menggunakan serangan psikologi terhadap penduduk Palestin untuk memperlihatkan kekuatan mereka dan menakut-nakutkan rakyat Palestin yang lain supaya tidak bertindak menentang mereka.

Pendudukan dan penindasan terhadap rakyat Palestin ini dapat dilihat sebagai satu usaha untuk menghapuskan rakyat Palestin secara total daripada bumi Palestin. Fakta ini jelas memperlihatkan bagaimana pada awal-awal pendudukan Israel ke atas Palestin dalam tempoh dua tahun sahaja bermula pada 1948 sehinggalah 1949, penduduk di 500 buah bandar yang asalnya mempunyai populasi seramai hampir sejuta orang hanya tinggal kira-kira 138 000 orang sahaja akibat daripada keganasan yang dilakukan oleh tentera Israel dalam bentuk pembunuhan dan pembakaran rumah-rumah mangsa yang terlibat.⁴

Sekitar setahun selepas tertubuhnya negara Israel secara rasmi pada tahun 1948, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengadakan gencatan senjata diantara Israel dan juga negara Arab pada 12 Januari 1949. Walaubagaimanapun Iraq menolak untuk menandatangani perjanjian perdamaian ini. Melalui perjanjian perdamaian ini, Israel telah berjaya meluaskan sempadan kawasanya di Palestin sebanyak 80% dan menjadikan penguasaan Israel ke atas Palestin semakin meluas.⁵ Sebelum tercetusnya kebangkitan rakyat dalam peristiwa Intifadah ini, banyak faktor lain yang muncul terlebih dahulu sebelum kebangkitan ini benar-benar tercetus. Antaranya adalah kesedaran terhadap agama Islam itu sendiri dikalangan masyarakat terutamanya dikalangan pelajar-pelajar universiti. Kesedaran terhadap ajaran Islam ini menunjukkan bahawa kebangkitan Islam akan terjadi dan disokong serta didokong oleh pelajar-pelajar universiti ini yang

² Mohd Roslan Mohd Nor (2008), *Islamicjerusalem Under Muslim Rule: A Study of The Implementation of Inclusive Vision on The Region*, dlm. *Jurnal Al-Tamaddun*, bil. 3, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 173.

³ Mohd Roslan Mohd Nor (2010), *Konflik Israel-Palestin dari Aspek Sejarah Moden dan Langkah Pembebasan dari Cengkaman Zionis*, dlm. *Jurnal Al-Tamaddun*, bil. 5, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 79.

⁴ Harun Yahya (2004), *Palestin: Polisi Ganas Kerajaan Israel*, dlm. *Zaman Kegelapan Islam dan Ketibaan Era Kebangkitan Islam*, Johor: Perniagaan Jahabersa, h. 52.

⁵ C.K. Rowley, J. Taylor (2006), *The Israel and Palestine Land Settlement Problem, 1948-2005: An Analytical History*, dlm. *Public Choice*, vol. 128, no. 1/2, The Political Economy of Terrorism, T.T.P: Springer, h. 79.

merupakan golongan anak muda yang mempunyai satu keazaman serta semangat yang tinggi untuk membebaskan Palestin terutamanya agama Islam itu sendiri dari terus dicengkam oleh Israel.

Kesedaran dan rasa penting ke arah sistem dan organisasi yang memperjuangkan Islam dapat dilihat dimana seperti dilaporkan bahawa tiga daripada empat pelajar Universiti Islam di Gaza memilih Ikatan Islam (*al-Kutlah al-Islamiah*) dalam pilihanraya yang dilakukan di universiti tersebut.⁶ Corak pengundian pelajar-pelajar ini kepada organisasi yang berorientasikan Islam menunjukkan bahawa kesedaran terhadap agama Islam dalam diri mereka semangkit meningkat dan akhirnya menjadikan mereka ini antara barisan utama dalam menentang Israel ketika berlakunya peristiwa kebangkitan rakyat yang dikenali sebagai Intifadah. Kebangkitan ini sebenarnya merupakan kebangkitan Islam di Palestin kerana para pejuangnya mempunyai roh semangat keislaman yang tinggi untuk memperjuangkan tanah air mereka.

Faktor-Faktor Tercetusnya Intifadah

Hakikat sebenar yang tidak dapat dinafikan oleh semua pihak adalah penindasan dan kezaliman yang telah berlaku ke atas rakyat Palestin sejak sekian lama merupakan antara punca kepada tercetusnya peristiwa Intifadah ini. Tekanan dan halangan serta kesusahan dalam menghadapi kehidupan seharian menyebabkan timbul perasaan untuk menentang dan menamatkan penindasan yang telah dilakukan di atas tanah air mereka sendiri. Begitu juga dengan semangat dan amarah rakyat Palestin terhadap Israel, ianya telah dipendam lama dan apabila ianya tercetus maka berlakulah suatu bentuk kebangkitan yang telah mengejutkan pelbagai pihak yang terjadi dalam peristiwa Intifadah.

Jika diteliti dengan mendalam, boleh didapati wujud beberapa faktor yang manjadi punca kepada tercetusnya peristiwa Intifadah pertama 1987 di Palestin. Faktor ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu faktor secara umum dan faktor secara khusus. Faktor umum berlakunya Intifadah di Palestin adalah kerana yang pertamanya telah berlaku pembunuhan dan penyeksaan oleh tentera Israel terhadap rakyat Palestin sejak sekian lama. Faktor yang kedua pula adalah kerana penindasan yang dilakukan terutamanya eksploitasi terhadap sumber utama seperti air, ekonomi, bangsa, kedudukan dan sebagainya. Manakala faktor khusus pula yang menjadi sebab kepada tercetusnya intifada 1987 adalah kerana berlakunya pelanggaran yang menyebabkan kematian penduduk Palestin yang ingin pulang ke Gaza daripada bekerja di Israel.

Pembunuhan dan penyeksaan telah berlaku sejak sekian lama, setiap kali berlaku pembunuhan, kemarahan rakyat Palestin semakin bertambah dan membuak-buak

⁶ Ismail Mohd Ariffin (et. al) (1989), Intifadah: kebangkitan Islam Palestin, Selangor: Penerbitan Hizbi, h. 28.

terhadap regim Israel. Perkara ini boleh dilihat dimana-mana samada laporan media mahupun artikel yang ditulis oleh penulis di dalam jurnal mengenai isu di Palestin. Tentangan-tentangan telah berlaku terhadap tentera Israel namun begitu impaknya tidaklah begitu besar kerana dengan batu dan botol plastik hendak menyerang kereta kebal yang jauh lebih berkuasa, namun penulis berpendapat bahawa serangan psikologi untuk memperlihatkan bahawa rakyat Palestin tidak gentar dengan tentera Israel walaupun dalam keadaan yang serba kekurangan lebih utama dan penting bagi menggerunkan Israel.

Keganasan dan penindasan Israel ke atas rakyat Palestin semakin ketara semenjak Israel telah tertubuh secara rasmi pada tahun 1948. Setiap perkara samada tanah, sumber air, ekonomi, bangsa dan kedudukan dan sebagainya semuanya dieksploitasi oleh Israel dan menindas rakyat Palestin. Menurut Profesor Israel Shahak penindasan Israel ke atas rakyat Palestin adalah bertujuan untuk kepentingan Yahudi bukannya Israel itu sendiri kerana ianya dapat dilihat apabila orang Palestin yang tinggal di Israel tidak mendapat sedikit keuntunganpun jika dibandingkan dengan orang Yahudi.⁷ Hal ini memperlihatkan bahawa kepentingan yang dicari dan diutamakan oleh Israel adalah untuk bangsa Yahudi itu sendiri bukannya rakyat Israel kerana jelas menunjukkan bahawa kepentingan dan kesenangan yang didapati dan diterima hanya terfokus pada bangsa Yahudi semata-mata. Hal ini merupakan suatu bentuk penindasan yang tidak sama sekali boleh diterima oleh akal manusia yang waras. Perkara ini jelas pada penulis menunjukkan bahawa krisis yang berlaku di Palestin merupakan krisis agama yang semenjak sekian lama tiada kata putus ataupun jalan tengah yang dapat dipersetujui bersama bagi menyelesaikan konflik yang berlaku.

Peristiwa Intifadah pertama di Palestin telah tercetus secara rasminya pada 8 Disember 1987 yang berpunca daripada pelanggaran kereta kebal Israel terhadap konvoi pekerja Palestin yang pulang ke Gaza dari bekerja di Israel dan menyebabkan 4 orang dari kem Jabalya telah terbunuh.⁸ Terdapat beberapa maklumat menyatakan bahawa pelanggaran yang berlaku ini bukanlah satu kemalangan secara kebetulan, tetapi merupakan satu proses balas dendam terhadap seorang usahawan Israel yang telah terbunuh dua hari sebelumnya. Semasa menuju ke tanah perkuburan, penduduk di Jabalya telah keluar beramai-ramai mengiringi jenazah yang dibawa ke tanah perkuburan tersebut. Peristiwa ini menjadi permulaan kepada kebangkitan rakyat dalam peristiwa Intifadah di Palestin yang mana seterusnya perarakan dan demonstrasi yang dilakukan dalam keadaan yang lebih besar dan ramai penyertaannya dari pelbagai lapisan masyarakat.

⁷ Israel Shahak (1988), *Israeli Apartheid and The Intifada*, T.T.P: Institute of Race Relations, h. 5.

⁸ Noor Shahily Dahalan (2004), "Intifadah dan Proses Pembinaan Peradaban Bangsa Palestin," (Disertasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya), h. 44.

Peristiwa Intifadah di Palestin menurut bekas Perdana Menteri Jordan Zayd al-Rifai merupakan satu kebangkitan yang pasti berlaku dan tidak dapat dihalang.⁹ Kenyataan ini dikeluarkan oleh beliau kerana melihat kepada rakyat Palestin yang sudah tidak dapat bertahan lagi di atas penindasan dan kekejaman yang dilakukan ke atas mereka oleh tentera Israel. Penindasan dan penyeksaan ini merupakan punca utama kepada kebangkitan yang berlaku. Walaupun banyak pendapat yang menyatakan punca kepada kebangkitan ini terjadi adalah peristiwa kemalangan yang dirancang terhadap pekerja Palestin yang pulang dari Israel namun secara umumnya penindasan yang telah berlaku sejak sekian lama terhadap rakyat Palestin di atas negara mereka sendiri menjadi punca utama kebangkitan rakyat Palestin.

Kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa Intifadah ini memperlihatkan bagaimana keganasan tentera Israel ke atas rakyat Palestin semakin bertambah dari hari ke hari. Tentera Israel secara rasminya telah dibenarkan menggunakan peluru hidup ke atas rakyat Palestin yang berdemonstrasi ataupun menentang tentera Israel jika gas pemedih mata ataupun peluru getah tidak mampu meleraikan mereka. Penulis melihat kebenaran menggunakan peluru hidup ini menyebabkan tentera Israel terus menggunakannya untuk menghadapi rakyat Palestin yang tidak bersenjata dan kemudiannya memberikan alasan bahawa keadaan sudah tidak dapat dikawal lagi.

Pihak Yang Terlibat dalam Intifadah

Peristiwa Intifadah di Palestin menunjukkan ianya berlaku secara spontan dan secara tiba-tiba. Peristiwa ini bagaikan telah dirancang sekian lama kerana keterlibatan semua pihak tanpa perlu diarah bagaikan telah diarah oleh mana-mana kepimpinan supaya sentiasa bersedia untuk revolusi yang bakal tercetus. Tanpa mengira peringkat umur dan jantina, semua rakyat Palestin telah sama-sama bersatu dan bangkit menentang Israel dengan segala kekuatan yang ada walaupun ianya tidak setanding dengan kekuatan Israel yang jauh lebih besar dan kuat dengan kecanggihan senjata yang mereka ada.

Intifadah pertama menyaksikan golongan pelajar universiti memainkan peranan yang sangat banyak samada penglibatan ataupun menjadi pimpinan dalam siri-siri pemberontakan yang berlaku. Pemberontakan, serangan hendap, pembalangan batu dan sebagainya banyak dipelopori oleh golongan muda. Begitu banyak keratan akhbar melaporkan kecederaan dan kematian di kalangan pemuda yang ditembak oleh tentera regim Zionis. Pemuda Palestin yang terlibat bukan sahaja di kalangan lelaki malah di kalangan wanita juga turut terlibat dan dibunuh dalam pertempuran dengan tentera Zionis. Antara wanita yang tercedera di dalam

⁹ Aryeh Shalev (1991), *The Intifada: Causes and Effects*, Israel: The Jerusalem Post, h. 15.

pertempuran tersebut adalah Hanan Beg berumur 18 tahun yang cedera ditembak dalam himpunan besar-besaran di Bait Lahia.¹⁰

Keganasan dan penindasan serta pembunuhan tentera Israel terhadap rakyat Palestin semakin menjadi-jadi saban hari. Pada tahun 1986 menyaksikan begitu banyak kes penembakan dan juga keganasan tentera Israel terhadap rakyat Palestin terutamanya di kalangan anak muda malah kanak-kanak yang masih bersekolah turut menjadi mangsa. Pada Disember 1986 tentera Israel telah menembak mati dua orang pelajar Universiti Birzeit di kampus tersebut. Mereka dibunuh kerana menyebarkan demonstrasi di kediaman mereka iaitu Gaza kepada kem-kem dan juga sekolah-sekolah yang lain di Gaza.¹¹ Selain itu juga, seorang remaja berusia 15 tahun telah terbunuh terkena tembakan tentera Israel dalam demonstrasi yang diadakan di Khan Yunis.¹² Remaja tersebut masih mengendong beg sekolahnya ketika ditembak.

Satu lagi contoh keterlibatan wanita dalam peristiwa Intifadah ini dapat dilihat pada kisah seorang anak muda wanita bernama Ahlam berumur 24 tahun (1988) dari kampung Ya'bud yang mengikuti perhimpunan aman ke atas kematian orang kampungnya. Beliau bersama dengan 8000 peserta demonstrasi yang lain telah ditembak dengan gas pemedih mata dan salah satunya jatuh berdekatan dengannya. Beliau cuba untuk menendang jauh kapsul gas tersebut namun beliau hilang kawalan akibat terkena gas tersebut menyebabkan mata dan perutnya sakit dan terus sakit walaupun setelah sekian lama kejadian tersebut berlaku malah telah dihalang untuk meneroma rawatan dari luar. Namun atas semangat juang yang tinggi beliau tidak pernah rasa sakit dan kecewa serta tidak selesa bahkan beliau mengatakan bahawa keganasan Israel terhadap rakyat Palestin adalah suatu pertolongan kerana lebih banyak penindasan yang dilakukan Israel lebih menjadikan rakyat Palestin semakin kuat.¹³

James L. Gelvin menyatakan di dalam bukunya bahawa pemuda Palestin merupakan tunggak utama dan mereka yang duduk dibarisan hadapan bagi menentang tentera Zionis.¹⁴ Imej pemuda yang tanpa senjata tetapi berani menentang kereta kebal yang jauh lebih hebat berbanding senjata batu yang dimiliki oleh mereka menjadi perhatian ramai pihak. Ianya juga mendapat perhatian antarabangsa dan akhirnya penulis melihat bagaimana isu di Palestin berubah menjadi isu kemanusiaan yang mendapat perhatian ramai, namun penulis

¹⁰ *ibid*, hal. 79.

¹¹ Anita Vitullo (1988), Uprising in Gaza, dlm *Middle East Report*, no. 152, T.T.P: Middle East Research and Information Project, h. 18.

¹² *Ibid*.

¹³ Rania Atalla (1989), Enduring Intifada Injuries, *Middle East Report*, no. 161, Health and Politics November-Disember, T.T.P:Middle East Research and Information Project, h. 8.

¹⁴ James L. Gelvin (2005), *The Israel-Palestine Conflict: One Hundred Years of War*, New York: Cambridge University Press, h. 216.

tetap beranggapan bahawa isu ini merupakan isu agama kerana jika semata-mata isu kemanusiaan, konflik ini pasti berakhir ataupun sekurang-kurangnya berkurangan seperti apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina suatu ketika dahulu yang menjadi isu kemanusiaan di peringkat antarabangsa dan akhirnya isu tersebut berakhir, namun berbeza dengan isu yang terjadi di Palestin ini.

Walaupun golongan anak muda menjadi barisan hadapan ataupun golongan utama dalam usaha menentang Israel dengan senjata batu mereka, golongan yang lebih tua turut memainkan peranan penting dalam kebangkitan menentang Israel. Penulis berminat menggunakan perkataan penentangan pasif terhadap strategi dan pendekatan yang diambil oleh golongan tua ini. Mereka yang kebanyakannya telah berjaya telah melakukan boikot ke atas produk dan juga perkhidmatan yang datang daripada Israel. Walaupun Israel menguasai dan melakukan penindasan ekonomi ke atas rakyat Palestin, namun usaha boikot ini dilihat berjaya dan mampu menggoyahkan serba sedikit Israel dan menjadikan perjalanan ekonomi Israel agak perlahan berbanding sebelumnya hasil daripada boikot yang dilakukan malah mereka juga menolak untuk membayar cukai, mengeluarkan duit mereka daripada bank Israel dan sebagainya.¹⁵

Walaupun Intifadah Pertama di Palestin berlaku secara rasmi pada Disember 1987, namun begitu sebelum tarikh tersebut telah wujud beberapa siri pemberontakan dan operasi memerangi Israel di wilayah yang diduduki oleh tentera Zionis tersebut. Pasukan Jihad Islam merupakan antara organisasi awal yang mengambil jalan perang dengan tentera Israel dan telah melancarkan operasi besar pada 15 Oktober 1987 terhadap kumpulan tentera Israel yang berada berhampiran dengan Tembok Tangisan di Baitul Maqdis.¹⁶ Peristiwa penentangan ini menjadi titik permulaan kepada kebangkitan yang lebih besar bagi rakyat Palestin yang akhirnya sampai kepada tarikh rasminya berlaku Intifadah di Palestin.

Intifadah di Palestin memperlihatkan satu kerjasama antara semua peringkat usia yang bersatu mempertahankan agama dan negara mereka Palestin. Seluruh peringkat umur mempunyai pendekatan masing-masing dalam usaha perjuangan ini. Kanak-kanak juga turut terlibat dalam peristiwa Intifadah di Palestin. Walaupun masih dalam usia yang kecil dan secara normalnya kanak-kanak lain mungkin tidak berapa mengerti apa yang terjadi di sekeliling mereka, namun kanak-kanak Palestin ini mempunyai jiwa yang besar dan kental berbanding usia mereka yang mungkin bagi kanak-kanak lain adalah masa bermain-main dengan rakan-rakan yang lain.

¹⁵ *Ibid*, h. 217.

¹⁶ Ismail Mohd Ariffin (et. al) (1989), *op. cit*, h. 55.

**Jadual 1. Bilangan Kanak-Kanak yang Terbunuh dalam Peristiwa Intifadah
Disember 1987- Mei 1989.**

Sebab kematian	Tebing Barat				Gaza				Jumlah
	0-6	7-12	13-16	17-19	0-6	7-12	13-16	17-19	
Ditembak	4	16	39	78	1	3	30	38	209
Gas pemedih mata	6	2	-	-	23	2	-	3	36
Dipukul	-	1	-	2	-	-	1	3	7
Elektrokasi, terbakar	1	-	-	2	-	-	-	-	3
Objek meletup	1	1	1	-	-	-	-	-	3
Dibuang daripada trak askar	-	1	-	-	-	-	-	-	1
tanggungjawab tentera tidak langsung-objek mencurigakan	-	4	4	3	-	-	-	-	11
Jumlah	12	25	44	85	24	5	31	44	

*Sumber diperolehi dari kertas kerja *Children and The Intifadah* karangan Kate Rouhana.¹⁷

Rekod di atas menunjukkan bahawa sejumlah besar mangsa kekejaman regim Zionis dikalangan kanak-kanak . Sebenarnya jumlah mangsa yang terkorban dalam peristiwa Intifadah ini jauh lebih besar daripada jumlah yang direkodkan, namun kerana takut untuk ke hospital ataupun tidak dijumpai menyebabkan rekod yang dapat dikumpul hanya sebahagian sahaja. Hal ini kerana setiap pesakit yang dimasukkan ke hospital akan direkodkan dan laporan akan dihantar kepada pihak tertentu yang mungkin akan membahayakan pesakit itu sendiri, maka berubat sendiri menjadi pilihan mereka pada waktu tersebut.

Meneliti kebangkitan besar rakyat Palestin dalam peristiwa Intifadah ini, dapat dilihat wujud juga organisasi yang turut bersama-sama dan menyertai kebangkitan ini. Antara organisasi yang banyak bersama dan memainkan peranan yang penting dalam Intifadah adalah HAMAS. HAMAS merupakan satu organisasi berasaskan gerakan Islam yang bersama-sama rakyat Palestin menentang Israel dan

¹⁷ Kate Rouhana (1989), "Children and The Intifadah", dlm. *Journal of Palestine Studies*, vol. 18, no. 4, California:University Of California Press, h. 111.

menjadikan kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa Intifadah sebagai kebangkitan Islam. HAMAS walaupun secara rasminya muncul dan dikenali pada Januari 1988, namun mereka mendakwa telah wujud sebelum itu lagi dan menjadi pemula kepada tercetusnya kebangkitan di sebuah kem di Gaza.¹⁸

HAMAS merupakan satu organisasi yang bertunjangan kepada suatu organisasi yang lebih besar yang lahir di Mesir iaitu Ikhwan al-Muslimin. HAMAS juga boleh dianggap sebagai cawangan bagi Ikhwan al-Muslimin di Palestin. Kumpulan ini secara rasminya dikenali selepas beberapa hari tercetusnya Intifadah pertama secara rasmi iaitu pada 8 Disember 1987. HAMAS merupakan kumpulan yang bergerak atas nama agama Islam untuk membebaskan Palestin. Pemimpin HAMAS merupakan orang kuat Ikhwan al-Muslimin seperti Syeikh Ahmad Yassi, Dr Abd Aziz Rantisi, Salah Shehadeh. Ikhwan al-Muslimin berpendapat bahawa Palestin merupakan sebahagian daripada tubuh badan agama dan tidak mengambil berat isu Palestin adalah seperti mengabaikan agama itu sendiri.¹⁹

Para pengamal media juga memainkan peranan penting dalam kebangkitan rakyat Palestin ini. Laporan-laporan serta cerita apa yang terjadi di kawasan-kawasan yang diduduki oleh tentera Israel serta demonstrasi dan juga keganasan tentera Israel menghadapi para peserta demonstrasi mampu memberi maklumat kepada pihak luar dan juga dunia apakah yang terjadi di Palestin. Kesan daripada pengaruh akhbar ini memperlihatkan bagaimana tentera Israel menutup syarikat akhbat utama di Gaza selama setahun dan kemudiannya satu lagi syarikat selama sebulan. Tiga orang jurnalis Gaza telah ditahan oleh tentera Israel dan peralatan mereka telah dirampas.²⁰

Strategi Intifadah Pertama

Kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa Intifadah memperlihatkan beberapa strategi dan pendekatan yang diambil. Walaupun peristiwa kebangkitan rakyat ini berlaku secara tiba-tiba dan spontan namun di sana terdapat juga beberapa pendekatan yang diambil oleh pelbagai pihak bagi memastikan kebangkitan yang berlaku secara besar-besaran ini mampu meninggalkan kesan yang mendalam khususnya bagi pihak regim Israel yang selama ini menindas dan melakukan kekejaman ke atas rakyat dan penduduk Palestin.

Pendekatan yang diambil oleh rakyat Palestin dalam peristiwa Intifadah ini adalah lebih kepada perhimpunan dan demonstrasi jalanan. Jika dilihat kepada

¹⁸ Andrea Nusse (2004), *Muslim Palestine: The Ideology of HAMAS*, Abingdon: Routledge Curzon Taylor & Francis Group, h. 68.

¹⁹ Abdul Fattah El-Awaisi (1998), *The Muslim Brothers and The Palestine Question 1928-1947*, New York: Tauris Academic Studies, h. 10.

²⁰ Anita Vitullo (1988), *op. cit.*, h. 23.

kebangkitan yang berlaku, tiada pertembungan tembak-menembak yang berlaku tetapi apa yang ada cuma balingan batu rakyat Palestin yang dibalas dengan senjata canggih tentera Israel. Kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa Intifadah ini pada penulis memperlihatkan kepada Israel dan dunia secara amnya bahawa mereka telah bersatu dan tidak tahan lagi untuk terus ditindas dan dizalimi di atas tanah air mereka sendiri. Penulis juga merasakan bahawa timbul kekecewaan rakyat Palestin terhadap negara Arab yang berada disekeliling negara Palestin yang tidak mampu untuk memberikan pertolongan kepada mereka sedangkan kedudukan Palestin yang menjadi penyambung kepada negara-negara Arab tersebut.

Seperti yang telah disentuh oleh penulis sebelum ini bahawa walaupun golongan pemuda menjadi barisan utama dalam usaha menentang tentera Israel, namun golongan lain seperti masyarakat yang lebih senior juga mempunyai jasa dan peranannya yang tersendiri. Dalam peristiwa Intifadah di Palestin ini, bukan sahaja perhimpunan dan demonstrasi besar-besaran dijalanan dilakukan, malah terdapat beberapa golongan masyarakat yang melakukan mogok ekonomi bagi melumpuhkan ataupun sekurang-kurangnya melemahkan perjalanan ekonomi Israel. Kelompok ini dikatakan melakukan satu gerakan mobilisasi pasif dimana mereka memboikot dari membeli barangan produk Israel dan mengeluarkan duit mereka dari bank di Israel. Mereka juga enggan untuk membayar cukai dan mempunyai inisiatif sendiri untuk memenuhi keperluan ekonomi mereka. Kelompok golongan ini agak teratur dimana mereka bersama-sama dan mengajak rakyat Palestin dari bawah sehingga ke atas bersama mereka. Kelompok ini datang dari pelbagai latarbelakang seperti pelajar sekolah, profesor dan juga organisasi kejrangan serta organisasi politik turut terlibat dalam gerakan pasif menentang Israel ini.²¹

Berdasarkan penelitian penulis, liputan media juga merupakan satu pendekatan dalam menghadapi keganasan dan kezaliman regim Israel. Walaupun ianya mungkin bukan suatu bentuk pendekatan yang dirancang ataupun secara langsung dalam kebangkitan rakyat Palestin ini, namun peranan dan jasa wartawan serta para jurnalis dalam melaporkan berita-berita apa yang terjadi kepada dunia di luar menjadi sebab kepada pihak luar mengambil tahu tentang isu yang terjadi di Palestin dan memberi tekanan luar kepada pihak Israel dan mengutuk tindakan kejam dan zalim yang dilakukan oleh mereka kepada rakyat Palestin.

Kesan Intifadah Pertama Ke Atas Konflik Di Palestin

Persamaan seperti mana-mana peristiwa terutamanya peristiwa besar yang berlaku dalam mana-mana tempat di dunia ini yang pastinya mendtangkan kesan selepas

²¹ James L. Gelvin (2005), *op. cit.*, h. 217.

tercetusnya peristiwa tersebut, begitu juga dengan peristiwa Intifadah di Palestin ini. Ianya memberi kesan yang sangat mendalam kepada pelbagai pihak terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dalam kebangkitan ini dikalangan rakyat Palestin dan Israel itu sendiri.

Pada pertengahan Januari 1988, Intifadah telah meletus sehingga sampai di timur Jerusalem. Peristiwa Intifadah telah menjadikan Jerusalem dua wilayah sekali lagi. Walaupun kebangkitan rakyat Palestin kurang hebat ataupun besar berbanding dengan wilayah-wilayah yang diduduki oleh Israel yang lain, namun kesan Intifadah di wilayah Jerusalem dapat dilihat apabila Jerusalem sekali lagi menjadi dua bandar dan salah satunya dikenali sebagai Arab Jerusalem Israel sudah tidak bebas lagi untuk keluar masuk ke dalam kawasan tersebut.²² Kesan daripada Intifadah di Jerusalem ini memperlihatkan bagaimana kawasan yang telah diduduki oleh Israel, sebahagiannya kembali menjadi antara kubu kuat rakyat Palestin dan menafikan kedudukan Israel di wilayah tersebut.

Selain daripada rakyat Palestin sendiri dan juga Israel, negara Arab juga turut merasai kesan daripada berlakunya Intifadah ini. Sebagai contoh pada 31 Julai 1988, raja Jordan iaitu Raja Hussien telah mengeluarkan satu deklarasi yang mengejutkan dimana beliau telah memberhentikan tuntutan Jordan terhadap Tebing Barat dan juga Timur Jerusalem dimana beliau mengakui dan mengiktiraf bahawa dua wilayah tersebut merupakan negara rakyat Palestin.²³

Selain daripada kesan-kesan yang dapat dilihat kepada rakyat Palestin dan dunia luar secara amnya, penulis berpendapat Israel juga turut merasakan kesan yang cukup besar dan hebat hasil daripada kebangkitan rakyat Palestin ini. Perjanjian Oslo yang dimeterai antara pihak Israel dengan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO)²⁴ pada penulis nampak seperti satu usaha Israel untuk memberhentikan kebangkitan rakyat Palestin dari terus mara dan merebak ke seluruh Palestin. Namun begitu, usaha ini dilihat hanyalah mampu memberhentikan kebangkitan rakyat Palestin dalam tempoh sementara sahaja dan tidak mampu untuk diberhentikan secara menyeluruh dan selama-lamanya.

²² Karen Armstrong (1997), *A History of Jerusalem: One City, Three Faiths*, United Kingdom: Harper Collins Publishers, h. 416.

²³ *Ibid*, h. 417.

²⁴ Pertubuhan Pembebasan Palestin ataupun Palestine Liberation Organization (PLO) merupakan satu pertubuhan yang diasaskan oleh Perdana Menteri Palestin iaitu Yassir Arafat dan banyak berurusan dengan Israel untuk pembebasan Palestin dengan cara berunding dan bukan melalui peperangan. PLO mengambil jalan lembut ataupun berunding dengan pihak Israel bagi menuju ke arah penyelesaian dua negara dimana hasil diujungnya menjadikan Palestin sebagai satu negara dan Israel sebagai satu negara lain. Avi Shlaim (2005), *The Rise and Fall of The Oslo Peace Process*, dlm. Louise Fawcett (edt.), *International Relations of the Middle East*, Oxford: Oxford University Press.
<http://users.ox.ac.uk/~ssfc0005/The%20Rise%20and%20Fall%20of%20the%20Oslo%20Peace%20Process.html>

Kegagalan Perjanjian Oslo yang akhirnya membawa kepada sekali lagi berlakunya kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa Intifadah Kedua ataupun turut dikenali dengan peristiwa *Al-Aqsa Intifadah* membenarkan kata-kata Yasir Arafat bahawa Intifadah ataupun kebangkitan rakyat Palestin tidak akan dapat dihalang oleh sesiapa pun kerana ianya berlaku bukanlah atas arahan sesiapa dan juga bukanlah dirancang. Intifadah berlaku secara sendirinya, secara spontan dan juga ianya merupakan proses untuk pengiktirafan negara Palestin dan tiada pemimpin utama di dalam kebangkitan ini kerana ianya adalah kebangkitan rakyat yang berlaku atas kesedaran mereka sendiri tanpa dipaksa oleh sesiapa pun.²⁵

Menurut satu kajian yang penulis temui, pengarang artikel tersebut menyatakan bahawa peristiwa Intifadah di Palestin ini melahirkan satu fasa baru kaedah regim Israel menghadapi kebangkitan rakyat Palestin. Keganasan secara sistematik telah dibenarkan secara rasmi di kawasan yang diduduki tentera Israel.²⁶ Perkara ini memperlihatkan bagaimana keganasan yang sebelum ini dilakukan tanpa kebenaran rasmi tetapi setelah kebenaran rasmi dikeluarkan maka sudah pastilah kemungkinan keganasan yang dilakukan tentera Israel terhadap rakyat Palestin jauh lebih hebat berbanding sebelumnya.

Kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa Intifadah pertama ini yang bermula di Gaza dan akhirnya merebak ke seluruh tempat menjadikan askar dan tentera Israel terpaksa “menakluk kembali” kawasan-kawasan dan wilayah-wilayah yang telah dijajah oleh mereka. Hal ini berlaku kerana penduduk-penduduk di wilayah-wilayah yang diduduki oleh tentera Israel telah mengisytiharkan wilayah mereka sebagai kawasan bebas dan mengancam kedudukan tentera Israel ke atas kawasan tersebut.

Penulis bersetuju dengan pengarang artikel tersebut yang menyatakan bahawa selepas tercetusnya Intifadah di Palestin, tentera Israel dilihat semakin ganas menindas dan menzalimi rakyat Palestin. Mereka menggunakan alasan mempertahankan diri serta melabel rakyat Palestin yang bangkit menentang mereka sebagai pengganas dan seolah-olah pada akhirnya membenarkan dan menghalalkan buat mereka membalas menggunakan senjata-senjata yang canggih berbanding rakyat Palestin yang hanya menggunakan batu.²⁷

Umum mengetahui bahawa siri-siri penentangan dan pemberontakan yang berlaku di Palestin adalah manifestasi rakyat Palestin bagi mempertahankan hak mereka di

²⁵ Nicholas Xenos (1989), “Intifadah”, *Grand Street*, vol. 9, No. 1, T.T.P: Ben Sonnenberg, h. 234-235.

²⁶ Elia Zureik (et. al) (1990/91), *Two Years of The Intifadah*, dlm. *Third World Quarterly*, vol. 12, no. 3/4, United Kingdom: Taylor & Francis Ltd, h. 99.

²⁷ Marouf Hasian Jr. and Lisa A. Flores (1997), *Children of The Stones: The Intifada and The Mythic Creation of The Palestinian State*, dlm. *Southern Communication Journal*, vol. 62, issues 2, Abingdon: Routledge Taylor and Francis Group, h. 94.

tanah air sendiri. Keganasan serta penindasan Israel terhadap rakyat Palestin dilihat sebagai suatu usaha yang tidak akan berhenti dan tiada penamatnya. Namun begitu, penentangan rakyat Palestin terhadap Israel merupakan satu langkah sekurang-kurangnya dapat memperlambatkan atau memberhentikan gerakan Israel untuk terus menindas dan menjajah tanah air rakyat Palestin. Intifadah yang berlaku di Palestin memperlihatkan bagaimana Israel terpaksa memberhentikan gerak kerja mereka untuk meluaskan lagi tanah jajahan dan penaklukan ke atas wilayah-wilayah yang ada di Palestin.²⁸

Perjanjian Oslo merupakan suatu bentuk pendekatan perdamaian antara Palestin – Israel, perjanjian ini berlaku di antara PLO yang mewakili rakyat Palestin dengan Israel serta mendapat sokongan pelbagai pihak seperti Kesatuan Eropah (EU), Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan juga liga Arab. Perjanjian Oslo yang dimeterai pada September 1993 memberikan kelainan berbanding rundingan-rundingan yang pernah dilakukan sebelum ini. Perjanjian ini bukan sahaja membincangkan kerangka proses damai untuk jangka masa pendek malah membincangkan serta menjamin masa depan Palestin dalam menuntut beberapa hak mereka.

Pelan perdamaian antara Arab dan Israel selepas tercetusnya Intifadah yang pertama pada tahun 1987 telah diadakan pada tahun 1993. Ianya berlaku selepas 7 tahun Intifadah pertama meletus di Palestin. Perjanjian ini berlaku diantara israel yang diwakili oleh Perdana Menterinya iaitu Yitzhak Rabin dan Palestin diwakili oleh Yassir Arafat yang menjadi pemimpin PLO. Perjanjian ini dilakukan di Washington dengan dipengerusikan oleh Presiden US Bill Clinton. Isi perjanjian di dalam Perjanjian Oslo ini turut dikenali sebagai *Declaration of Principle* (DOP).

Perjanjian Oslo merupakan suatu bentuk pelan perdamaian Arab-Israel yang telah menjadi konflik sejak sekian lamanya. Perjanjian ini yang dimeterai merupakan kesan ataupun terhasil daripada kebangkitan rakyat Palestin di dalam Intifadah pertama yang menentang pendudukan dan kezaliman Israel terhadap Palestin. Jika diteliti, isi perjanjian ini juga menunjukkan kepada umum bahawa Israel dan Palestin ataupun PLO bersetuju untuk mengiktiraf serta mengundurkan tentera Israel daripada wilayah Palestin di Gaza dan juga Tebing Barat.

Perjanjian ini telah meletakkan bahawa penubuhan kerajaan sementara Palestin dalam tempoh tidak melebihi 5 tahun dan sempadannya mengikut *Security Council Resolution 242* dan 338.²⁹ Hal ini memberikan harapan yang besar buat PLO yang mewakili rakyat Palestin untuk wujud sebagai kerajaan yang sah kepada negara Palestin malah Palestin juga diiktiraf kedudukannya. Namun begitu

²⁸ Ahmad Al-Shyokhi, Ketua *Multaqa al-Quds al-Thaqafi*. Temubual pada Jun 2012.

²⁹ <http://www.unhcr.org/refworld/publisher,ARAB,,,3de5e96e4,0.html>, akses pada 5 Disember 2012.

wujud juga beberapa penentangan dikalangan rakyat Palestin yang melihat PLO telah mengiktiraf kewujudan negara Israel yang menduduki negara asal Palestin.

Perjanjian Oslo merupakan suatu bentuk perjanjian yang boleh dikatakan sebagai kerjasama antarabangsa. Rundingan yang berlaku di dalam perjanjian ini seperti rundingan antara dua negara malah rundingan yang pada awalnya berlaku secara rahsia di Oslo akhirnya menjadi perjanjian damai yang rasmi yang ditandatangani di Washington.³⁰ Perkara ini memperlihatkan usaha sama kedua-dua pihak yang bersungguh mahu mencapai keamanan serta menjamin keselamatan kedua-dua pihak di dalam perjanjian antarabangsa ini. Perjanjian Oslo ini juga memperlihatkan isi kandungannya yang memberi kebaikan dan keuntungan kepada kedua-dua pihak Palestin dan juga Israel.

Proses rundingan damai ini juga memperlihatkan bagaimana Israel menyetujui isi-isi perjanjian serta mendapat sokongan rakyat Israel. Namun apa yang dapat dilihat adalah rakyat Israel bukanlah sepenuhnya bersetuju dengan isi perjanjian untuk menubuhkan dan mengiktiraf Palestin namun lebih kepada untuk menjaga keselamatan dan keamanan wilayah mereka dari terus menjadi kawasan konflik jika Intifadah terus berlaku.³¹

Penutup

Sebagai akhirnya, peristiwa kebangkitan yang berlaku di Palestin dalam peristiwa yang dikenali sebagai Intifadah ini wajar dikaji dengan lebih teliti untuk pengetahuan masyarakat awam terutamanya generasi masa kini yang kurang didedahkan dengan maklumat serta fakta yang boleh diperolehi berkaitan kajian ini. Walaupun kaedah ataupun pendekatan dalam peristiwa Intifadah di Palestin ini hanya dalam bentuk perhimpunan demonstrasi dan juga mogok ekonomi, namun ianya banyak membuka mata banyak pihak. Peristiwa Intifadah di Palestin ini menunjukkan bahawa semua peringkat golongan rakyat Palestin terlibat dalam usaha murni ini dan walaupun tanpa sebarang perancangan dan diketuai oleh sesiapa pun, kebangkitan rakyat Palestin dalam peristiwa Intifadah ini mampu memberikan kesan yang mendalam terhadap semua pihak dan memberikan kejutan yang besar kepada seluruh dunia terhadap kekejaman dan penindasan yang dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin. Namun begitu dapat dilihat bagaimana wujud juga kesan yang dikira negatif terutamanya dari sudut pendidikan bagi anak-anak Palestin yang semakin malap akibat suasana ketegangan dan juga boleh dikatakan peperangan yang terpaksa dihadapi oleh mereka dalam proses pembesaran mereka. Selain itu, kesan yang boleh dilihat

³⁰ Jonathan Rynhold (2008), *The Failure of the Oslo Process: Inherently Flawed or Flawed Implimentation*, dlm. *Mideast Security and Policy Studies*, No. 76, Israel: The Begin-Sadat Center For Strategic Studies Bar Ilan University, h. 4.

³¹ *Ibid*, h. 10.

sebagai positif pula dengan terjalannya Perjanjian Oslo yang ingin mencapai jalan perdamaian antara Palestin dan Israel hasil daripada tercetusnya Intifadah di Palestin.

Rujukan

Al-Shyokhi, Ahmad, Ketua *Multaqa al-Quds al-Thaqafi*. Temubual pada Jun 2012.

Armstrong, Karen (1997), *A History of Jerusalem: One City, Three Faiths*, United Kingdom: Harper Collins Publishers.

Aronson, Geoffrey (1990), *Israel, Palestinians and The Intifada: Creating Facts on The West Bank*, London: Kegan Paul International.

Atalla, Rania (1989), Enduring Intifada Injuries, *Middle East Report*, no. 161, Health and Politics November-Disember, T.T.P: Middle East Research and Information Project.

El-Awaisi, Abdul Fattah (1998), *The Muslim Brothers and The Palestine Question 1928-1947*, New York: Tauris Academic Studies.

Gelvin, James L. (2005), *The Israel-Palestine Conflict: One Hundred Years of War*, New York: Cambridge University Press.

Hasian, Marouf Jr. & Flores, Lisa A. (1997), Children of The Stones: The Intifada and The Mythic Creation of The Palestinian State, dlm. *Southern Communication Journal*, vol. 62, issues 2, Abingdon: Routledge Taylor and Francis Group.

<http://users.ox.ac.uk/~ssfc0005/The%20Rise%20and%20Fall%20of%20the%20slo%20Peace%20Process.html>

<http://www.unhcr.org/refworld/publisher,ARAB,,,3de5e96e4,0.html>

Ismail Ariffin, Osman Khalid, Md. Akhir Yaacob & Fakhruddin Mukhti (1989), *Intifadah: kebangkitan Islam Palestin, Selangor*: Penerbitan Hizbi.

Mohd Roslan Mohd Nor (2008), Islamicjerusalem Under Muslim Rule: A Study of The Implementation of Inclusive Vision on The Region, dlm. *Jurnal Al-Tamaddun*, bil. 3, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohd Roslan Mohd Nor (2010), Konflik Israel-Palestin dari Aspek Sejarah Moden dan Langkah Pembebasan dari Cengkaman Zionis, dlm. *Jurnal Al-*

Tamaddun, bil. 5, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Noor Shahily Dahalan (2004), “Intifadah dan Proses Pembinaan Peradaban Bangsa Palestin,” (Disertasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).
Nusse, Andrea (2004), *Muslim Palestine: The Ideology of HAMAS*, Abingdon: Routledge Curzon Taylor & Francis Group.

Rouhana, Kate (1989), “Children and The Intifadah”, dlm. *Journal of Palestine Studies*, vol. 18, no. 4, California: University Of California Press.

Rowley, C.K. & Taylor, J. (2006), The Israel and Palestine Land Settlement Problem, 1948-2005: An Analytical History, dlm. *Public Choice*, vol. 128, no. 1/2, The Political Economy of Terrorism, T.T.P: Springer.

Rynhold, Jonathan (2008), The Failure of the Oslo Process: Inherently Flawed or Flawed Implimentation, dlm. *Mideast Security and Policy Studies*, No. 76, Israel: The Begin-Sadat Center For Strategic Studies Bar Ilan University.

Shahak, Israel (1988), *Israeli Apartheid and The Intifada*, T.T.P: Institute of Race Relations.

Shalev, Aryeh (1991), *The Intifada: Causes and Effects*, Israel: The Jerusalem Post.

Shlaim, Avi (2005), The Rise and Fall of The Oslo Peace Process, dlm. Louise Fawcett (ed.), *International Relations of the Middle East*, Oxford: Oxford University Press.

Vitulo, Anita (1988), Uprising in Gaza, dlm *Middle East Report*, no. 152, T.T.P: Middle East Research and Information Project.

Xenos, Nicholas (1989), “Intifadah”, *Grand Street*, vol. 9, No. 1, T.T.P: Ben Sonnenberg.

Yahya, Harun (2004), Palestin: Polisi Ganas Kerajaan Israel, dlm. *Zaman Kegelapan Islam dan Ketibaan Era Kebangkitan Islam*, Johor: Perniagaan Jahabersa.

Zureik, Elia; Graff, Tim & Ohan, Farid (1990/91), Two Years of The Intifadah, dlm. *Third World Quarterly*, vol. 12, no. 3/4, United Kingdom: Taylor & Francis Ltd.